



**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PRESTASI PERNIAGAAN
USAHAWAN WANITA BUMIPUTERA DALAM INDUSTRI PEMROSESAN
MAKANAN DI TELUK INTAN.**

EDARIZA BT SALAM

**LAPORAN PROJEK YANG DIKEMUKAKAN INI BAGI MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMBOLEH IJAZAH SARJANA**



PENGURUSAN PERNIAGAAN

**FAKULTI PENGURUSAN PERNIAGAAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2006





PENGAKUAN

Saya mengaku laporan projek ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.



11 APRIL 2006

Tandatangan

EDARIZA BT SALAM
20041000103





PENGESAHAN

Disertasi bertajuk “Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Prestasi Perniagaan Usahawan Wanita Bumiputera Dalam Industri Pemprosesan Makanan Di Teluk Intan” disediakan oleh Edariza Bt Salam (M20041000103) bagi memenuhi syarat Ijazah Sarjana Pengurusan Perniagaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Disahkan oleh,

.....
(Haji Nek Kamal b. Yeop Yunus)

Penyelia Disertasi,

Fakulti Perniagaan Dan Ekonomi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris,

Tanjong Malim, Perak.

11 April 2006.





PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang dan selawat serta salam buat Junjungan Besar Rasulullah s.a.w. Syukur ke Hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, akhirnya dapat saya menyiapkan Laporan Projek ini.

Setinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada penyelia saya Tn. Haji Nek Kamal b. Yeop Yunus atas segala sumbangan ilmu, kepakaran dan tenaga semasa memberi tunjuk ajar, bimbingan dan nasihat sehingga saya berjaya menyempurnakan laporan kajian ini.

Terima kasih kepada emak dan abah kerana tidak jemu-jemu memberikan kata-kata semangat dan mendoakan kejayaan saya. Terima kasih kepada anak-anakku Wan Nur Dalila, Wan Rodhiah, Mohamad Nizam dan Wan Rahimatul Adawiyah kerana memahami situasi. Semoga anak-anak serta emak dan abah sentiasa berada dalam peliharaan dan lindungan Allah. Amin.

Penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada semua responden serta sahabat kerana memberikan kerjasama untuk membolehkan kajian ini dilaksanakan dengan jayanya.

Akhir sekali terima kasih juga kepada semua individu yang membantu saya secara langsung atau tidak langsung menyempurnakan tugas ini.



ABSTRAK

Wanita pada hari ini memainkan berbagai-bagai peranan yang penting dalam masyarakat. Mereka telah membuktikan bahawa mereka bukan sahaja memainkan peranan tradisional dalam pengurusan hidup berkeluarga malah membantu memperbaiki ekonomi keluarga dengan menceburi dalam berbagai-bagai jenis aktiviti bagi meningkatkan pendapatan, sama ada yang dijalankan di rumah atau di dalam komuniti. Ramai di kalangan wanita ini yang menceburkan diri dalam dunia keusahawanan terutama yang melibatkan industri pemprosesan makanan. Ada di kalangan pengusaha-pengusaha ini yang berjaya dan mampu untuk menempakan nama dalam industri tersebut. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti akan faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi perniagaan mereka. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dan menggunakan borang soal selidik. Sampel adalah terdiri daripada usahawan-usahawan wanita Bumiputera yang terdapat di kawasan Teluk Intan. Kajian rintis telah dijalankan untuk mencari nilai kebolehppercayaan pada setiap item-item yang dibina. Analisis kajian dilakukan dengan dibantu oleh program SPSS untuk mendapatkan nilai-nilai kekerapan, korelasi dan regresi berganda. Hasil kajian mendapati kesemua faktor strategi pemasaran campuran iaitu produk, lokasi, harga dan promosi mempunyai hubungkait yang positif serta bersignifikan pada prestasi. Manakala daripada analisis regresi, jelas membuktikan elemen-elemen pemasaran campuran adalah penyumbang kepada prestasi perniagaan. Sebagai kesimpulan, usaha-usaha penambahbaikan pada strategi pemasaran campuran termasuklah sikap perlulah terus dilakukan untuk memastikan prestasi perniagaan berkembang maju. Segala kemudahan dan bantuan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan, seharusnya tidak dipandang remeh tetapi sesuatu yang perlu direbut oleh pengusaha.



ABSTRACT

Women today play various important roles in the society. They have proven that they are not merely playing the traditional role in managing their family life but also helping to improve their economy by participating in various activities to increase income, whether these activities are carried out at home or in the community. A lot of women are involved in the world of entrepreneurship especially in food processing industry. Some of the entrepreneurs are successful and able to create an impact in this industry. In relation to that, this survey is aimed to identify factors that influence their business performance. This survey used surveying method and questionnaires. The samples are Bumiputera women entrepreneurs in Teluk Intan area. The pilot test was carried out to find the reliability value for each items built. The survey analysis is done with the help of SPSS programmed to obtain frequency values, correlation and doubled regression. The survey found that all mixed marketing strategy factors which are product, location, price and promotion have positive relations as well as significant to performance. Meanwhile, based on the analysis pertaining to regression, it is clearly proven that mixed marketing elements do contribute to the business performance. In conclusion, improvement on the mixed marketing strategy including attitude should be carried out to ensure the business performance to develop. All facilities and help prepared by the government, should not be taken lightly but must be grasped by the entrepreneurs,



**KANDUNGAN**

PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xii



BAB	PERKARA	MUKA SURAT
BAB 1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Latar Belakang Kajian	1
	1.2 Pernyataan Masalah	6
	1.3 Persoalan Kajian	7
	1.4 Objektif Kajian	8
	1.5 Kepentingan Kajian	8
	1.6 Batasan Kajian	10
	1.7 Definisi Istilah	10





BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	13
2.1	Pengenalan	13
2.2	Definisi Usahawan Dan Keusahawanan	14
2.3	Perkembangan Industri Makanan Di Malaysia	15
2.4	Ciri-ciri Kejayaan Usahawan Yang Berkisarkan Sekitar Teori-toeri Keusahawanan	20
2.4.1	Ciri-ciri Kejayaan Usahawan Mengikut Teori Ekonomi	21
2.4.2	Ciri-ciri Kejayaan Usahawan Mengikut Teori Sosiologi	24
2.4.3	Ciri-ciri Kejayaan Usahawan Mengikut Teori Psikologi	25
2.5	Faktor-faktor Yang Memotivasikan Wanita Menceburkan Diri Ke Dalam Bidang Keusahawanan	27
2.6	Kategori-kategori Keusahawan Wanita	31
2.6.1	Usahawan Sambilan Di Kalangan Wanita Yang Bekerja Dan Berpendapatan Tetap	31
2.6.2	Usahawan Wanita Sepenuh Masa	32
2.7	Usahawan Wanita Bumiputera Di Malaysia	33
2.8	Masalah-masalah Usahawan Wanita Bumiputera Dalam Pengeluaran Industri Pemprosesan Makanan	35
2.8.1	Kekurangan Kewangan	36
2.8.2	Masalah Kualiti	36
2.8.3	Pembekalan Bahan Mentah Yang Tidak Konsisten Dan Kurang Berkualiti	37
2.8.4	Pengabaian Amalan-amalan Kebersihan Dan Kesihatan Yang Baik	37
2.8.5	Penyelidikan Dan Pembangunan	37
2.8.6	Tidak Memberikan Penekanan Terhadap Pembangunan Produk	38
2.8.7	Tidak Mementingkan Pada Persembahan	



	Produk	38
	2.8.8 Kurangnya Pengetahuan Pemasaran Dan Pengurusan	38
	2.8.9 Peraturan-peraturan Keselamatan Makanan	39
	2.8.10 Persaingan	39
	2.8.11 Kurangnya Tapak-tapak Industri	39
	2.9 Kajian-kajian Keusahawanan Di Luar Negara	40
	2.10 Kajian-kajian Keusahawanan Di Malaysia	43
	2.11 Kerangka Konseptual Kajian	45
	2.12 Hipotesis	46
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	48
	3.1 Pengenalan	48
	3.2 Rekabentuk Kajian	48
	3.2.1 Skop Kajian	49
	3.2.2 Populasi Dan Sampel Kajian	49
	3.2.3 Pengumpulan Data	50
	3.3 Instrumen Kajian	51
	3.4 Kajian Rintis	56
	3.5 Analisis Data	57
	3.6 Kesimpulan	58
BAB 4	ANALISIS DAPATAN KAJIAN	59
	4.1 Pengenalan	59
	4.2 Latar Belakang Usahawan	59
	4.2.1 Latar Belakang Sosio-Demografi Usahawan Wanita Bumiputera	60
	4.2.2 Latar Belakang Maklumat Perusahaan	61
	4.3 Analisis Sejauh Mana Faktor-faktor Pemasaran Campuran Menyumbang	

	Kepada Prestasi Perniagaan	63
4.4	Hubungan Antara Faktor-faktor Pemasaran Campuran Dengan Prestasi Perniagaan	66
4.5	Rumusan Keputusan Analisis Hipotesis Kajian	68
BAB 5	RUMUSAN DAN CADANGAN	70
5.1	Pendahuluan	70
5.2	Rumusan Kajian	70
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	72
5.3.1	Sumbangan Strategi Campuran Pemasaran Kepada Prestasi Perniagaan	72
5.3.2	Hubungan Antara Produk Dengan Prestasi Perniagaan	74
5.3.3	Hubungan Antara Lokasi Dengan Prestasi Perniagaan	75
5.3.4	Hubungan Antara Harga Dengan Prestasi Perniagaan	76
5.3.5	Hubungan Antara Promosi Dengan Prestasi Perniagaan	78
5.4	Cadangan Kajian	80
5.4.1	Membangunkn Produk Mengikut Kehendak Pasaran	82
5.4.2	Penjenamaan, Pelabelan Dan Pembungkusan	82
5.4.3	Mempertingkatkan Produktiviti	83
5.4.4	Melengkapkan Diri Dengan Ilmu Perundangan Dan Piawaian	83
5.4.5	Mewujudkan Daya Saing	84
5.4.6	Mengorientasikan Sikap	85
5.5	Cadangan Untuk Kajian Akan Datang	86
5.6	Penutup	87
	RUJUKAN	88
	LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
Jadual 2.1: Faktor-faktor Yang Memotivasikan Wanita Untuk Memulakan Perniagaan.	28
Jadual 3.1: Bilangan Item Mengikut Dimensi	53
Jadual 3.2: Skala Likert	55
Jadual 3.3: Kebolehpercayaan Pembolehubah Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Prestasi Perniagaan Usahawan Wanita.	57
Jadual 4.1: Latar Belakang Sosio-demografi Usahawan Wanita Bumiputera (%) (n = 50)	61
Jadual 4.2: Latar Belakang Maklumat Perusahaan (%) (n = 50)	63
Jadual 4.3: Ujian Regresi Berganda Bagi Sumbangan Faktor-faktor Pemasaran Campuran Pada Prestasi Perniagaan.	64
Jadual 4.4: Data Koefisyen Bagi Pembolehubah Dalam Persamaan	65
Jadual 4.5: Korelasi Antara Empat Pembolehubah Faktor Yang Mempengaruhi Prestasi Perniagaan Wanita (n=50)	68
Jadual 4.6: Keputusan Analisis Bagi Hipotesis Kajian	69



SENARAI RAJAH

Rajah

Muka Surat

2.1 Kerangka Konseptual Kajian

46



**SENARAI SINGKATAN**

MARDI	Malaysia Agriculture Research Development Institute
MIDA	Malaysian Industrial Development Authority
PK	Produk
LS	Lokasi
HG	Harga
PS	Promosi
PR	Prestasi
WTO	World Trade Organization
AFTA	Asean Free Trade Zone
DPN	Dasar Pertanian Negara
%	Peratus





BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Latar Belakang Kajian

Pembangunan ekonomi Malaysia semakin berkembang pesat semenjak negara mencapai kemerdekaan. Sektor pertanian telah dikenal pasti sebagai penyumbang utama kepada asas pembentukan ekonomi negara dalam era selepas merdeka dengan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak 46% pada tahun 1957. Bilangan pekerja yang menceburi sektor pertanian ini pada tahun 1966 adalah 80.3% (Sofian Mohd Salleh, 2005). Namun begitu, tumpuan hanya diberikan kepada tanaman eksport khususnya getah. Sementara tanaman makanan seperti padi telah diabaikan dan hanya menjadi kegiatan ekonomi yang bersifat sara diri. Ringkasannya penanaman padi hanyalah untuk memenuhi keperluan harian keluarga semata-mata dan bukannya untuk dijual ataupun diperdagangkan (Mohd Zaki Zakaria, 1997).





Situasi ini adalah berlarutan sehinggalah ke awal tahun 1980-an (Mohd Zaki Zakaria, 1997). Oleh itu pada 12 Januari 1984, Dasar Pertanian Negara (DPN) telah dilancarkan untuk memajukan sektor pertanian sehinggalah menjelang tahun 2000. DPN yang dilancarkan oleh kerajaan merupakan suatu dasar yang agak menyeluruh dalam usaha untuk mempertingkatkan mutu kehidupan petani yang terlibat dalam sektor ini daripada kegiatan berbentuk sara diri kepada aktiviti yang lebih bernilai komersial. Menerusi dasar ini kerajaan cuba menjadikan petani lebih berdikari supaya matlamat kerajaan untuk menswastakan sektor ini dalam jangka masa panjang berjaya. Melalui DPN, bukan saja teknologi moden diperkenalkan malahan bentuk pengurusan pertanian juga akan ditukar dari corak tradisional kepada corak moden.

Antara objektif-objektif DPN yang dilancarkan pada 12 Januari 1984 ialah pertama untuk memaksimumkan pendapatan sektor pertanian dengan menggembelingkan sumber- sumber negara secara cekap dan berkesan supaya sumbangan sektor pertanian kepada pertumbuhan ekonomi negara dapat dipergiatkan.

Kedua adalah untuk memaksimumkan pendapatan pengusaha atau pekebun kecil melalui daya pengeluaran supaya kadar kemiskinan dapat dikurangkan dan kualiti hidup keluarga dibaiki. Manakala objektif yang ketiga adalah untuk memajukan serta meningkatkan hasil dan mutu komoditi-komoditi yang mempunyai potensi besar untuk eksport atau bahan gantikan import serta komoditi-komoditi terpilih untuk bahan makanan dan perindustrian.

Namun begitu DPN yang dilancarkan pada 1984 ini kurang membawa kemajuan kepada sektor tersebut. Oleh itu pada 1991, kerajaan telah membuat satu kajian semula ke atas DPN dan seterusnya melancarkan DPN baru pada 1992 yang akan berakhir pada tahun 2010. Tujuan utama DPN yang baru adalah untuk menjadikan sektor pertanian sebagai satu sektor moden dan setiap hasil mestilah





bermatlamat untuk dikomersialkan. Untuk mencapai matlamat tersebut beberapa strategi telah dirangka untuk dilaksanakan.

Antaranya adalah menggunakan sumber seperti tanah, air dan buruh secara optimum. Kedua memesatkan pembangunan industri berasaskan pertanian supaya dapat mengurangkan import dan meningkatkan eksport. Ketiga meningkatkan penyelidikan dan pembangunan khususnya di dalam usaha-usaha pembaikan dalam pengurusan sumber, kaedah pengeluaran, pemprosesan dan pembangunan baka haiwan. Keempat adalah untuk membentuk semula pasaran supaya dapat menembusi dan diperluaskan sama ada pasaran baru atau tradisional dengan memberikan keutamaan pada kualiti dan kuantiti supaya dapat memastikan keluaran Malaysia mempunyai daya saing yang tinggi. Manakala strategi kelima adalah untuk membangunkan industri makanan yang dinamik bagi memenuhi keperluan penduduk negara yang semakin bertambah, tingkat pendapatan per kapita yang tinggi serta pasaran luar negeri yang semakin terbuka.



Dengan terlancarnya DPN baru pada 1992, maka pembangunan sektor ekonomi dalam era selepas merdeka yang berasaskan kepada sektor pertanian kini telah diperkembangkan kepada sektor perkhidmatan dan industri yang bercirikan komersial termasuklah industri pemprosesan makanan. Industri pemprosesan makanan ini adalah antara industri pembuatan yang terpenting di Malaysia. Terdapat beberapa bentuk perniagaan di dalam industri ini sama ada yang beroperasi secara kecil-kecilan iaitu dimiliki oleh individu serta keluarga ataupun oleh pengusaha-pengusaha pemprosesan makanan yang berskala besar dan bertaraf antarabangsa (Market Information: Southeast Asia, 2003).

Seiringan dengan pembangunan negara, penglibatan guna tenaga wanita dalam sektor ekonomi dan sosial tidak boleh dipertikaikan. Menurut Nor Aini Haji Idris,





Madeline Berma dan Faridah Shahadan (1996), penglibatan wanita dalam aktiviti ekonomi sudah wujud sekian lama tanpa diiktiraf. Wanita secara logiknya mula bekerja sejak dari muda hinggalah ke umur tua kecuali wujud halangan seperti sakit atau mati yang menamatkan tugas mereka. Bermula di dalam sebuah ekonomi mampu diri, wanita sudah memainkan dua fungsi iaitu berperanan di dalam keluarga dan juga ekonomi. Selain menjalankan tugas tradisi melahirkan dan mendidik anak, wanita juga mengumpul mengeluarkan dan menyediakan makanan, ini merangkumi kerja-kerja memburu, menternak, bertani dan memasak.

Penglibatan wanita Malaysia di dalam sektor ekonomi ini boleh dikatakan berkait rapat dengan situasi sosio ekonomi mereka terutamanya di luar bandar. Berdasarkan pada Banci Penduduk Tahun 1980, daripada 1.5 juta penduduk Malaysia itu, 43.7% guna tenaga di dalam sektor pertanian adalah wanita (Laporan-laporan Bancian Penduduk, 1970 dan 1980). Penglibatan mereka di dalam sektor pertanian ini bukan hanya atas dasar kemasukan yang mudah kerana tidak memerlukan prasyarat pendidikan yang mantap tetapi juga dipengaruhi oleh kefleksibelan masa bekerja yang membolehkan mereka menjalankan kedua-dua tugas utama iaitu menguruskan rumahtangga dan menjaga anak-anak di samping bekerja untuk menambahkan pendapatan keluarga. Senario ini diperkukuhkan lagi dengan kajian-kajian kes yang menunjukkan terdapatnya ramai wanita yang membawa anak-anak mereka bersama-sama ke ladang-ladang serta sawah semasa bekerja (Jomo *et. Al*, 1984).

Hasil pertanian yang diperolehi akan dijual dengan segera untuk mengelakkan kerosakan dan penurunan nilai. Ada juga di kalangan wanita ini yang memproses sebahagian daripada hasil pertanian tersebut untuk dijadikan nilai yang lebih tinggi (Chamhuri, Ahmad dan Abdul Hamid, 1990). Namun begitu hasil yang diproses itu masih lagi untuk memenuhi keperluan keluarga semata-mata sehinggalah terlancarnya





DPN pada 12 Januari 1984 dan DPN baru 1992. Aktiviti pemprosesan hasil pertanian yang pada asalnya dilakukan oleh wanita untuk keperluan keluarga sahaja kini telah dikomersialkan. Ini adalah kerana hasil pertanian yang telah diproses itu mempunyai nilai ditambah yang tinggi, maka secara tidak langsung menyediakan peluang kepada keluarga petani untuk meningkatkan pendapatan keluarga dengan mengusahakan secara kecil ataupun sederhana. Perubahan daripada masyarakat tani kepada masyarakat industri berlaku dan golongan ini memerlukan program pembangunan yang bersesuaian untuk meningkatkan kualiti hidup mereka (Askiah Binti Jamaluddin, 2002).

Program pembangunan masyarakat bertujuan meningkatkan penyertaan penduduk luar bandar dalam pembangunan sosio-ekonomi, dan membina masyarakat luar bandar yang bermaklumat, berdikari dan produktif. Program ini juga memberi penekanan terhadap ciri-ciri keusahawanan yang selaras dengan ciri usahawan berjaya. Ciri tersebut ialah sikap yang progresif serta berdaya saing (Rancangan Malaysia Ke Tujuh, 1996). Sebagai kesimpulannya untuk mengisi pembangunan negara amnya, luar bandar khususnya, usahawan wanita Bumiputera memainkan peranan yang penting untuk memajukan industri pemprosesan makanan. Sebagai pemilik perniagaan, usahawan wanita mempunyai peranan yang sama seperti lelaki. Ini termasuklah aspek merancang, menguruskan perniagaan dan memasarkan produk. Tidak ketinggalan juga komitmen dari pengusaha-pengusaha diperlukan untuk memajukan diri sendiri dengan sanggup mencari dan mengamalkan teknologi bersesuaian secara berterusan untuk mengeluarkan produk-produk yang bermutu tinggi, selamat dimakan, kos efektif dan boleh bersaing di pasaran global (Sofian Mohd Salleh, 2005).





1.2 Pernyataan Masalah

Industri desa terutama yang melibatkan aktiviti pemprosesan makanan sememangnya mempunyai potensi untuk berdaya maju jika usaha yang gigih ke arah membangunkan sektor tersebut dilakukan. Namun begitu terdapat berbagai-bagai masalah yang timbul ekoran daripada kepincangan yang sedia ada dalam sektor tradisional ini (Chamhuri Siwar, Abdul Hamid Jaafar dan Ahmad Mad Zin, 1995).

Dengan peredaran masa, industri desa yang berkonsepkan aktiviti pemprosesan makanan ini telah mengalami kemajuan. Industri ini telah berkembang sama ada daripada segi bertambahnya bilangan pengusaha mahupun kualiti bagi produk yang dihasilkan. Persoalannya adakah semua pengusaha industri desa yang berkonsepkan kepada aktiviti pemprosesan makanan ini mampu untuk bertahan untuk jangka masa yang panjang?

Hasil dari temubual dengan beberapa orang pengusaha pemprosesan makanan di sekitar kawasan Teluk Intan, mendapati bahawa mereka kurang dapat mengenalpasti hala tuju sebenar tujuan menceburkan diri di dalam industri pemprosesan makanan ini. Kesungguhan di dalam menjalankan pengoperasian aktiviti pemprosesan makanan hanyalah di peringkat permulaan sahaja. Apabila mereka menghadapi masalah, sebilangan daripada pengusaha-pengusaha ini akan mengambil keputusan untuk memberhentikan perusahaan.

Selain daripada itu, masalah persaingan di antara pengusaha sendiri juga penyebab kepada pemberhentian sesuatu perusahaan. Keadaan ini diburukkan lagi dengan lambakan barangan makanan yang dihasilkan oleh pengusaha-pengusaha pemprosesan makanan yang besar seperti Maggi dan Kimball, yang menawarkan produk yang lebih bermutu dan pelbagai.





Penglibatan kerajaan dalam industri pemprosesan makanan adalah penting kerana pengusaha wanita menjalankan operasi mereka dengan modal yang kecil dan tidak mencukupi. Faktor ini menghalang kemajuan perusahaan mereka. Di samping itu juga mereka menghadapi masalah untuk memasarkan keluaran yang dihasilkan. Menurut Chamhuri Siwar, Abdul Hamid Jaafar dan Ahmad Mad Zin (1995) kekurangan maklumat mungkin telah menyebabkan wujudnya masalah pemasaran ini. Oleh hal yang demikian, bantuan daripada pihak kerajaan diperlukan bagi mengatasi segala masalah yang dihadapi.

1.3 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada permasalahan yang dinyatakan di atas maka, persoalan – persoalan kajian yang dikaji ialah:-



1.3.1 Sejauh manakah gabungan faktor-faktor pemasaran campuran menjadi

penyumbang utama kepada prestasi perniagaan usahawan wanita Bumiputera dalam industri pemprosesan makanan?

1.3.2 Sejauh manakah produk yang dihasilkan akan mempengaruhi prestasi perniagaan usahawan wanita Bumiputera?

1.3.3 Sejauh manakah lokasi yang dipilih oleh usahawan wanita Bumiputera untuk memasarkan produk mencapai matlamat perniagaan?

1.3.4 Sejauh manakah harga output akan memberikan impak kepada prestasi perniagaan usahawan wanita Bumiputera dan

1.3.5 Sejauh manakah promosi yang dijalankan dapat mempertingkatkan prestasi perniagaan usahawan wanita Bumiputera dalam industri pemprosesan makanan?



1.4 Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk mengkaji kepada faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi perniagaan usahawan Bumiputera wanita ini dalam industri pemprosesan makanan.

Manakala objektif yang lebih khusus adalah seperti berikut:

1.4.1 Untuk mengenal pasti sejauh mana faktor-faktor campuran pemasaran menyumbang kepada prestasi perniagaan.

1.4.2 Untuk mengenal pasti sama ada wujudnya korelasi yang positif dan bersignifikan di antara faktor produk dengan prestasi perniagaan usahawan wanita Bumiputera.

1.4.3 Untuk mengenal pasti sama ada wujudnya korelasi yang positif dan bersignifikan di antara faktor lokasi dengan prestasi perniagaan usahawan wanita Bumiputera.

1.4.4 Untuk mengenal pasti sama ada wujudnya korelasi yang positif dan bersignifikan di antara faktor harga dengan prestasi perniagaan usahawan wanita Bumiputera.

1.4.5 Untuk mengenal pasti sama ada wujudnya korelasi yang positif dan bersignifikan di antara faktor promosi dengan prestasi perniagaan usahawan wanita Bumiputera.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengetahui masalah yang dihadapi oleh usahawan-usahawan Bumiputera wanita dalam industri pemprosesan makanan yang mana akan melemahkan industri tersebut. Sehubungan dengan itu, ia akan menyebabkan tahap



kemiskinan kekal, jangka hayat perniagaan yang singkat di samping pembaziran pada sumber. Ini adalah kerana keusahawanan adalah satu daya usaha inovasi dan perubahan yang berterusan untuk memungkinkan satu penambahbaikan kepada kehidupan (Morris dan Lewis, 1991). Oleh itu penyelidikan dibuat untuk menyingkap faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi perniagaan usahawan Bumiputera wanita di dalam industri pemprosesan makanan.

Memandangkan industri kecil seperti industri pemprosesan makanan ini telah mendapat perhatian dan sokongan yang penuh oleh pihak kerajaan di bawah kementerian-kementerian seperti Pertanian serta Pembangunan Keusahawanan dan agensi-agensi di bawahnya, maka adalah satu peluang yang baik untuk golongan wanita menceburi ke dalam dunia keusahawanan. Oleh itu kajian ini diharap dapat membantu di dalam memberikan maklumat dan gambaran awal senario industri pemprosesan makanan kepada bakal-bakal pengusaha yang ingin menceburinya tetapi masih curiga untuk melibatkan diri di dalam industri tersebut. Di samping itu juga, diharapkan daripada hasil kajian ini dapat memupuk kesedaran dan membina keyakinan pada kebolehan diri untuk berjaya dengan menetapkan satu matlamat ataupun hala tuju yang kukuh.

Hasil kajian ini juga diharapkan dapat memberi maklumat yang berguna kepada pihak Kementerian Pembangunan Usahawan dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dalam membentuk polisi baru untuk usahawan luar bandar terutamanya golongan wanita. Ini adalah supaya mereka dapat menjalankan aktiviti perusahaan dengan lebih produktif tanpa mengabaikan kualiti hidup keluarga. Di samping itu juga, hasil kajian ini diharapkan dapat memberi sedikit sebanyak maklumat untuk kajian lanjutan, khususnya kepada para pelajar ekonomi, perniagaan, keusahawanan serta perindustrian dan bioteknologi makanan.



1.6 Batasan kajian

Data-data maklumat yang dikutip untuk kajian ini hanya terbatas kepada usahawan-usahawan Bumiputera wanita di dalam industri pemprosesan makanan.

Lokasi kajian hanya tertumpu kepada kawasan Teluk Intan, Perak Darul Ridzuan. Segala dapatan kajian ini hanya menggambarkan faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi perniagaan usahawan Bumiputera wanita di dalam industri pemprosesan makanan.

Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah soal selidik bagi mendapat data kajian tersebut. Oleh itu kesahan dan kebolehpercayaan kajian ini adalah berdasarkan andaian maklumat yang diterima dari pihak responden. Ini bergantung kepada kefahaman dan keikhlasan pihak responden semasa menjawab item-item yang terkandung dalam borang soal selidik. Malahan, akibat terjemahan, makna perkataan ataupun ayat mungkin turut terjejas.

1.7 Definisi Istilah

1.7.1 Faktor

Merujuk kepada Kamus Dewan Edisi Baru 1993, **faktor** bermaksud sebagai “keadaan atau tenaga yang mempunyai pengaruhnya atas hasil daripada sesuatu”. Oleh itu di dalam skop kajian, faktor dapat digambarkan sebagai satu elemen ataupun situasi yang dapat memberikan impak pengoperasian kepada mutu ataupun prestasi sesebuah perniagaan.

1.7.2 Usahawan

Menurut Kamus Dewan Edisi Baru (1993), **usahawan** bermakna orang yang mengusahakan sesuatu perusahaan, pengusaha. Sehubungan dengan skop kajian



ini, pengertian usahawan adalah berfokus kepada **usahawan industri kecil** yang menjalankan aktiviti pemprosesan makanan.

Mohamed Kaberi bin Ghani (2001) pula memberikan pengertian industri kecil sebagai industri yang mempunyai pekerja tetap di antara 5 orang sehingga 49 orang dengan modal berbayar kurang daripada RM250,000. Manakala **Kementerian Pembangunan Usahawan** di dalam Laporan Tahunan 2003 memberikan definisi usahawan industri kecil sebagai industri yang mempunyai pekerja tetap di antara 5 orang dan 50 orang ataupun nilai jualan tahunan dari RM250000 hingga kurang dari RM10 juta.

Sehubungan dengan jantina usahawan yang dikaji adalah **wanita**, maka definisi untuk usahawan wanita ini adalah seperti berikut:

- Secara amnya usahawan wanita beroperasi di kawasan luar Bandar
- Berkahwin
- Mempunyai tahap pendidikan yang rendah seperti UPSR, PMR dan SPM
- Dalam lingkungan umur 40an – 50an
- Kebanyakan terlibat di dalam sektor yang berkaitan dengan pemprosesan makanan (Norsiah Mat, Abu Bakar Hamed, Aini Hayati Mohamed, Roseni Ariffin, Noraini Ramli, 1998).

Manakala Moore & Butter (1998) pula mendefinisikan usahawan wanita sebagai;

“a woman who has initiated a business, is actively involved in managing it, owns at least 50% of the firm, and has been in operation one year or longer.”

1.7.3 Industri Pemprosesan Makanan

Bermaksud aktiviti yang melibatkan perubahan ke atas makanan sama ada untuk mengubah kualiti atau jangka hayat. Ia turut melibatkan usaha untuk melindungi





makanan dengan penggunaan prinsip-prinsip saintifik dan teknologi bagi menghentikan ataupun melambatkan proses kerosakan makanan secara semulajadi. Aktiviti pemprosesan makanan ini juga membenarkan kepada perubahan-perubahan pembuatan pemakanan yang berkualiti secara terkawal dan yang boleh dijangkakan. Di samping itu juga ia melibatkan potensi kreativiti pada pengusaha untuk mengubah bahan-bahan mentah asas menjadi produk-produk makanan yang beraneka rasa, mempunyai tarikan dan membekalkan variasi yang menarik untuk keseimbangan pemakanan para pengguna (Processed foods for improved livelihoods: Basic facts about food preparation and processing, 2005).

